

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1996/97

Oktober/November 1996

SBW313 - Pembangunan Luar Bandar

Masa: [3 Jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT (4) soalan daripada soalan-soalan berikut:

1. Beberapa kajian telah menyatakan bahawa dasar-dasar penjajah Inggeris yang menyentuh sektor pertanian dan luar bandar di Malaysia telah meninggalkan kesan-kesan yang dikenali sebagai "pembezaan tani dan penumpuan milik tanah". Apakah yang dimaksudkan dengan kenyataan ini? Terangkan sejarah dan proses kejadian "pembezaan tani dan penumpuan milik tanah" ini.  
(100 Markah)
2. Mengapakah rancangan yang dijalankan oleh Lembaga Pembangunan Tanah Persekutuan (FELDA) merupakan satu kejayaan dari segi pembangunan luar bandar? Seterusnya terangkan dan beri penilaian tentang masalah yang dihadapi kini.  
(100 Markah)
3. Bincangkan kesan-kesan perubahan teknologi yang dialami oleh sektor nelayan dan perikanan hari ini. Apakah aliran masa depan sektor ini, terutama dari segi perubahan aktiviti yang akan berlaku?  
(100 Markah)
4. Apakah rancangan-rancangan yang telah diadakan semenjak tahun 1980an bagi mengurangkan kadar kemiskinan dalam sektor padi? Jelaskan bagaimana rancangan-rancangan ini telah mampu berbuat demikian.  
(100 Markah)

...2/-

5. Apakah petunjuk-petunjuk perubahan (dari segi isu tanah, perburuhan, teknologi dan alam sekitar) yang boleh diamati dalam sektor pertanian hari ini? Berdasarkan semua ini apakah senario pertanian yang mungkin wujud di Malaysia dalam satu atau dua dekad yang akan datang?  
(100 Markah)
  
6. Bincangkan beberapa dasar dan aktiviti pertanian "baru" atau alternatif yang dimajukan oleh pihak kerajaan untuk meningkatkan produktiviti sektor luar bandar, di samping menyelesaikan masalah-masalah seperti tanah terbiar dan kemerosotan sumbangan pertanian kepada ekonomi? Apakah masalah yang mungkin dihadapi pembuat dasar dalam perkara ini?  
(100 Markah)
  
7. Apakah golongan miskin mampu diperbankan ("bankable")? Jelaskan hujah anda dengan membincangkan tujuan, alasan, kaedah dan impak satu kes rancangan kredit yang dijalankan di Malaysia bagi golongan miskin dan wanita luar bandar.  
(100 Markah)

- oo o0o oo -